

13/12/1998

PM diharap lerai isu Kemboja

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diharap akan menjadi antara ketua negara yang dapat meleraikan kekusutan membabitkan isu penerimaan Kemboja ke dalam Asean.

Beberapa pegawai kanan Asean berkata, dengan Malaysia dilihat sebagai penyokong kuat kepada negara tuan rumah, Vietnam, untuk melihat Kemboja diterima sebagai ahli Asean pada sidang kemuncak Selasa ini, Dr Mahathir adalah harapan mereka untuk `memujuk' pemimpin Singapura, Filipina dan Thailand.

"Selain Vietnam, kami melihat Malaysia dan Indonesia, juga bersungguh-sungguh untuk membawa Kemboja menyertai Asean di sini.

"Tetapi kami meletakkan harapan kepada Dr Mahathir untuk memujuk pemimpin Asean terbabit untuk menerima Kemboja," kata mereka.

Ketika ini, Vietnam terus bekerja keras untuk meyakinkan pemimpin Asean mengapa gagasan ini perlu menerima Kemboja di sidang kemuncak kali ini.

Mengikut pegawai berkenaan, Vietnam akan mengingatkan semua negara anggota mengenai resolusi dan janji yang dibuat ketika Asean menunda kemasukan negara itu di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi di Kuala Lumpur, akhir tahun lalu.

"Ketika di Kuala Lumpur, pemimpin Asean yang ketika itu menerima kemasukan Laos dan Myanmar, berjanji Kemboja akan diterima masuk sebagai anggota ke-10 Asean selewat-lewatnya pada sidang kemuncak kali ini.

"Tetapi dengan kegagalan Menteri-menteri Luar Asean mencapai kata sepakat mengenai kemasukan Kemboja kali ini, ia adalah sesuatu yang amat menghampakan Vietnam yang telah bekerja keras bagi mencuci dosa yang lalu," kata pegawai berkenaan.

Keluhan Vietnam ternyata berasas kerana negara itu pernah menceroboh Kemboja, kerana itu mereka kini bekerja keras untuk menebus kesilapan lalu.

Menurutnya, Vietnam juga sudah turut membuat persediaan rapi bagi mengadakan majlis penerimaan Kemboja.

Ironinya, kata beliau, ramai yang tidak memahami alasan laporan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean yang juga Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, bahawa Asean akan `malu' sekiranya selepas penerimaan Kemboja ke dalam Asean, negara itu akan kucar kacir semula.

"Mereka perlu ingat jika PBB dapat menyerahkan semula kerusi Kemboja di pertubuhan dunia itu, Asean sebagai sebuah gagasan lebih kecil sepatutnya tidak menghadapi masalah untuk menerimanya.

"Alasan `malu' sebenarnya tidak bertempat, kerana selama Asean belum pernah lagi mengamal dasar campur tangan terutama dalam kemelut politik negara ahli.

"Perlu diingat walaupun berlaku rampasan kuasa di Kemboja Julai tahun lalu, perkembangan Kemboja tidak pernah terhenti, malah negara itu terus aman sehingga sekarang," katanya.

(END)